

‘Ketegasan kita isu Palestin tak jejas pelaburan’

Malaysia raih komitmen pelaburan RM63b dari syarikat AS

Oleh Rohaniza Idris dan Latifah Arifin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, pendirian tegas Malaysia mengutuk serangan rejim Zionis Israel ke atas Palestin tidak menjejaskan ekonomi dan pelaburan syarikat asing, khususnya dari Amerika Syarikat (AS).

Perdana Menteri berkata, Malaysia meraih komitmen pelaburan RM63 bilion di AS pada beberapa pertemuan dua hala yang diadakan di luar sidang Mesyuarat Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di San Francisco, minggu lalu.

Beliau berkata, selain pertemuan dua hala, beliau menggunakan ruang di APEC untuk mengadakan pertemuan dengan beberapa syarikat antarabangsa, termasuk Google Inc, Microsoft Inc, TikTok dan TPG Inc.

Katanya, pelabur utama AS, termasuk Google Inc dan Microsoft Inc masih memberi keutamaan kepada kestabilan politik dan dasar ekonomi kerajaan yang jelas, di sebalik tekanan berterusan Malaysia dan negara Islam lain terhadap Israel.

“Di sini juga ada suara kebimbangan bahawa sikap tegas kita berdepan dengan AS dan negara Eropah akan menjejaskan kedudukan ekonomi negara.

“Tentunya sebagai orang yang bertanggungjawab dalam negara dan pertumbuhan ekonomi, kita juga mengambil kira dan prihatin mengenai permasalahan ini.

“Soal hubungan perdagangan setakat ini tak menjejaskan sama sekali. Mereka tahu pendirian kita dan mereka ikuti kenyataan kita,” katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan menjawab soalan Aminolhuda Hassan (PH-Sri Gading) mengenai hasil persidangan APEC di AS dan Persidangan Kemuncak Tergempar Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di Arab Saudi, baru-baru ini.

Dalam sidang kemuncak tergempar OIC dihoskan Putera Mahkota Mohammed bin Salman itu, Anwar

“Soal hubungan perdagangan setakat ini tak menjejaskan sama sekali. Mereka tahu pendirian kita dan mereka ikuti kenyataan kita”

Anwar Ibrahim,
Perdana Menteri



turut menggesa negara anggota OIC untuk mendesak pelaksanaan gencatan senjata serta-merta, manakala bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza disegerakan.

Perjuang isu di APEC

Pada masa sama, Anwar berkata, beliau turut membangkitkan isu Palestin pada Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC dan mahukan pembunuhan dan kekejaman di Gaza dihentikan segera.

Katanya, pada persidangan APEC yang dihadapinya atas undangan Presiden AS, Joe Biden itu, beliau sekali lagi menyuarakan pendirian Malaysia yang tidak mahu mana-mana kuasa dunia untuk menentukan pendirian negara dalam isu terbabit.

“Jangan lagi Barat anggap ini sebagai hegemoni kolonial, menentukan dasar dan bentuk tindakan kita, mereka tidak boleh paksa kita tentukan pendirian,” katanya.

Anwar turut menjelaskan, Ma-

laysia menyertai kumpulan negara yang akan memulakan tindakan antarabangsa bagi menghentikan perang di Gaza.

Katanya, tindakan itu membolehkan Malaysia menyertai mandat yang diberikan kepada Menteri Luar Arab Saudi, Palestin, Jordan, Mesir, Qatar, Turkiye, Indonesia dan Nigeria seperti dipersejujui dalam resolusi Sidang Kemuncak Tergempar OIC di Arab Saudi.

“Pada Sidang Kemuncak Tergempar OIC yang disatukan dengan Sidang Kemuncak Liga Arab di Riyadh, Arab Saudi pada 11 November baru-baru ini, saya menyuarakan pendirian Malaysia berkenaan isu Palestin dan menekankan enam perkara yang perlu dilaksanakan.

“Enam perkara itu termasuk gencatan senjata serta-merta dan mempercepatkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza dan menghentikan aktiviti penempatan haram Israel,” katanya.